

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
(LANANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2016**

**Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) kenapa BR1M yang diagihkan bayaran pada 28/1/2016 mengkategorikan permohonan isi keluarga ibu/bapa tunggal dari kategori isi rumah kepada kategori individu iaitu daripada bayaran RM1000/RM800 kepada RM400; dan
- (b) bagaimanakah rayuan dapat dilakukan memandangkan banyak keluarga telah menerima RM400 pada bulan Januari 2016.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum mengenai isu ini. Bagi memastikan pemberian BR1M hanya diberikan kepada mereka yang layak sahaja, pada tahun 2016, Kementerian Kewangan telah menilai semula proses verifikasi dimana bagi permohonan isi keluarga ibu/bapa tunggal iaitu ibu bapa yang sudah bercerai atau kematian salah seorang daripada mereka. Pemohon perlu mengesahkan status mereka dengan menyertakan dokumen berkaitan seperti dokumen kematian pasangan, dan dokumen pengesahan perceraian. Ini kerana didapati pada tahun sebelum ini terdapat pemohon yang membuat pengisytiharaan sebagai ibu/bapa tunggal walaupun pasangan mereka masih hidup/belum bercerai untuk mendapatkan kelayakan BR1M maksima (2015 : RM950).

Selain itu, terdapat juga pasangan yang telah bercerai dan memohon BR1M secara berasingan tetapi menggunakan tanggungan yang sama bagi mendapatkan jumlah maksimum BR1M. Bagi kes tersebut, kedua-dua

mereka (ibu tunggal/bapa tunggal) layak untuk memohon BR1M berasingan tetapi hanya seorang sahaja layak untuk menerima BR1M kategori isirumah manakala seorang lagi layak untuk menerima kategori individu. Pengenalan kategori bayaran sebegini dilihat sangat adil untuk mereka.

Sehubungan itu, pemohon kategori ini perlu mengemukakan dokumen pengesahan tanggungan (seperti surat beranak, surat perceraian dan surat mahkamah mengenai hak penjagaan anak) bagi memastikan tanggungan tersebut benar-benar mempunyai pertalian dan dibawah tanggungan mereka. Bagi mereka yang belum mengemukakan dokumen pengesahan tersebut, permohonan mereka akan dikategorikan sebagai individu tunggal dan akan diluluskan jumlah RM400 terlebih dahulu.

b) Rayuan boleh dibuat bermula pada 15 Mac hingga 15 April 2016 di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan mengemukakan dokumen berkenaan. Perkara ini juga telah dinyatakan di dalam surat yang dihantar kepada pemohon yang lulus bagi kategori ini dan juga dimaklumkan dalam sistem e-BR1M didalam laman sesawang LHDN.